



Alam Maritim In The News

Media: Utusan Malaysia

Tarikh: 30 Mei, 2009

Kos selenggara kapal dijangka kurang 50 peratus

KUALA LUMPUR 29 Mei - Alam Maritim Resources Bhd. (AMRB) yakin kos penyelenggaraan 29 buah kapal miliknya dapat dijimatkan sebanyak 50 peratus apabila limbungan baikpulih kapal milik anak syarikatnya, siap sepenuhnya pada tahun depan.

Limbungan dengan kemudahan asas bernilai RM10 juta hingga RM15 juta dan terletak di Kuala Linggi, Melaka itu diurus oleh KJ Waja Engineering Sdn. Bhd. (KJ Waja).

Pengarah Urusan Kumpulan/ Ketua Pegawai Eksekutif AMRB, Azmi Ahmad menambah, selama ini, kesemua kapal milik syarikat terpaksa diselenggara di Singapura dan Batam, Indonesia berikutan ketiadaan tempat dan kepakaran.

Katanya, kos selenggara setiap kapal di Singapura menelan belanja yang tinggi iaitu sebanyak AS\$500,000 (RM1.75 juta) berbanding kos selenggara di limbungan milik sendiri yang dianggarkan sekitar RM500,000.

"Tujuan utama kami mahu membina limbungan baikpulih kapal di Melaka adalah untuk menyelenggarakan sendiri kapal-kapal milik syarikat.

"Selain menjalankan penyelenggaraan sendiri, syarikat turut membuka dan menerima permintaan pelanggan yang terdiri daripada syarikat-syarikat perkapalan luar," katanya selepas menghadiri majlis mesyuarat agung tahunan AMRB kali keempat di sini hari ini.

AMRB memiliki 14.4 hektar tanah di Kuala Linggi dan membangunkan 2.2 hektar daripadanya untuk limbungan baikpulih.

Limbungan itu dilancarkan pada tahun lalu dan dirasmikan oleh Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam.

Azmi menambah, syarikat mengambil masa selama empat hingga enam bulan untuk mengkaji dan menjalankan kerja-kerja pembinaan yang dijangka siap sepenuhnya tahun depan.

Ketika ditanya mengenai kekerapan penyelenggaraan kapal, beliau memberitahu, setiap kapal milik syarikat perlu diselenggara antara 30 bulan hingga 60 bulan.

Ditanya mengenai perancangan AMRB dalam perluasan syarikat, Azmi berkata, syarikat berminat untuk membeli limbungan kapal kering terapung dengan mengambil alih kemudahan tersebut daripada sebuah syarikat dari Korea Selatan.

Jelasnya, limbungan tersebut adalah untuk aktiviti penyelenggaraan kapal-kapal yang terletak di pangkalan kapal utama AMRB, Kemaman, Terengganu.

Katanya, kos pembelian limbungan itu dijangka menelan belanja sebanyak AS\$7 juta (RM24.5 juta) hingga AS\$ 10 juta (RM35 juta).